

10 SEP 1997

REMAJA DIINGAT TIDAK TERPENGARUH BUDAYA SELESA

PASIR MAS, 10 Sept (Bernama) -- Golongan remaja hari ini diingatkan supaya tidak terpengaruh dengan budaya "selesa" berikutan pembangunan pesat negara sekarang.

Timbalan Ketua Pengarah Jabatan Penerangan, Mohamad Salleh Rafei, berkata kemajuan yang dicapai oleh negara selepas 40 tahun merdeka adalah perjuangan dan kerja kuat yang dilakukan oleh pemimpin terdahulu dan sekarang.

"Saya bimbang budaya "selesa" yang dinikmati remaja sekarang akan melekat di hati anak-anak kita tanpa memikirkan masa lampau ibu bapa yang terpaksa bekerja kuat untuk mencapai matlamat itu," katanya ketika merasmikan Bengkel Kecemerlangan Kelab Setia Jabatan Penerangan Kelantan di Sekolah Menengah Tendong, dekat sini.

Beliau mengingatkan bahawa sikap menunggu dan mengecap nikmat dengan cara mudah tanpa perlu bekerja kuat para remaja dan belia boleh menggagalkan pencapaian Wawasan 2020.

Menurutnya usaha Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad menggalakkan penguasaan ilmu Teknologi Maklumat (IT) perlu diikuti generasi sekarang sebagai platform bekerja kuat dan meneruskan cita-cita pemimpin masa ini.

Mohamad Salleh juga meminta para remaja turut melibatkan diri dalam menangani masalah sosial sekarang yang dianggap menjadi penghalang kemajuan masa depan. -- BERNAMA

MNR NAK